

## PROGRAM PJJ UPM

### PROGRAM MASTER

SISTEM PENGAJIAN	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	SISTEM PENILAIAN	STATUS PELAJAR	PELAJAR BERGRADUAT
<p>Setiap sesi pengajian Program Master PJJ UPM terbahagi kepada dua (2) semester iaitu Semester Pertama (September - Disember) dan Semester Kedua (Februari - Jun). Pelajar perlu mendaftar kursus sebanyak 6 - 15 jam kredit pada setiap semester mengikut pakej penawaran kursus yang ditetapkan.</p> <p>Secara keseluruhan, pelajar diwajibkan mengambil kursus sebanyak 40 jam kredit pengajian dengan Peperiksaan</p>	<p>Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (P&amp;P) bagi pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Putra Malaysia (PJJ UPM) adalah merujuk kepada jumlah jam Perjumpaan Bersemuka (Kuliah) diantara pelajar dan tenaga pengajar (pensyarah UPM).</p> <p>Jumlah jam perjumpaan telah ditetapkan dan dibenarkan adalah kurang daripada program Sepenuh Masa. PJJ UPM menekankan pembelajaran kendiri bagi mewujudkan pembelajaran yang fleksibel, selesa dan tanpa tekanan terutamanya untuk pelajar yang bekerja ingin melanjutkan pengajian.</p> <p>Keperluan sokongan bahan</p>	<p>Prestasi pelajar dinilai dengan menggunakan kaedah penilaian berterusan. Sesuatu kursus dinilai melalui tugasan, peperiksaan pertengahan dan peperiksaan akhir serta aktiviti akademik yang berkaitan seperti kerja kursus/kajian, pembentangan dan seminar.</p> <p>Semua pelajar wajib menduduki peperiksaan yang akan diadakan di UPM Serdang seperti yang telah dijadualkan.</p>	<p>Status pelajar pada setiap semester adalah berdasarkan kepada prestasi akademiknya di akhir semester berkenaan dan statusnya pada semester sebelumnya. Status BAIK diberikan kepada pelajar yang memperolehi Purata Nilaian Gred Keseluruhan (PNGK) 3.000 ke atas manakala pelajar yang mendapat PNGK kurang dari 3.000 akan diberi status percubaan atau diberhentikan merujuk kepada Akta Universiti.</p>	<p>Setiap pelajar yang mendaftar bagi program pengajian yang terpilih dan lulus semua kursus mengikut kurikulum yang ditetapkan bagi program tersebut atau kursus yang setara, dan memenuhi semua syarat lain yang ditetapkan bagi program termasuk</p> <p>lulus Peperiksaan Komprehensif atau Kertas Projek serta mencapai Purata Nilaian Gred Keseluruhan (PNGK) tidak kurang daripada 3.000 berhak untuk bergraduat.</p> <p>Walaubagaimana pun,</p>

<p>Komprehensif atau Kertas Projek (mengikut kurikulum yang ditetapkan) bagi membolehkan pelajar bergraduat. Kursus tersebut ialah Kursus Wajib Fakulti, Kursus Teras Bidang dan Kursus Elektif. Tempoh pengajian untuk bergraduat adalah diantara empat (4) hingga enam (6) semester (dua (2) hingga tiga (3) tahun).</p>	<p>pembelajaran seperti Modul Pembelajaran (hasil penulisan tenaga pengajar UPM mengikut bidang masing-masing) disediakan untuk rujukan dan bahan bantu belajar. Pelajar disaran dan digalakkan juga untuk mendapatkan bahan rujukan daripada pelbagai sumber bagi membantu proses pembelajaran dan tidak seharusnya bergantung kepada kemudahan dan bahan sokongan yang disediakan oleh pihak Universiti semata-mata.</p> <p>Pelajar seharusnya memberi komitmen, menerapkan disiplin diri dan melakukan pengorbanan yang tinggi dari pelbagai perkara supaya dapat menamatkan pengajian dengan mencapai kejayaan dan keputusan yang cemerlang.</p>			<p>hak untuk bergraduat boleh digantung atau dilupuskan, dimana berkenaan, oleh sesuatu hukuman akademik mengikut Akta Universiti.</p>
<b>SENARAI PROGRAM</b>	i. Master Pembangunan Sumber Manusia ii. Master Pendidikan Bahasa	<p>Perjumpaan Bersemuka bersama pensyarah UPM pada setiap semester bagi empat (4) program di atas adalah sebanyak tiga (3) kali per kursus. Perjumpaan Bersemuka diadakan pada hari Sabtu dan Ahad (hujung minggu) di Kampus</p>		

	<p>Melayu</p> <p>iii. Master Komunikasi Korporat</p> <p>iv. Master Bahasa Melayu</p>	Induk UPM Serdang di mana Perjumpaan Bersemuka Pertama pada minggu pertama semester bermula (minggu pendaftaran).
	<p>Master Pendidikan (Pentadbiran Pendidikan)</p>	<p>Setiap semester, Perjumpaan Bersemuka program ini adalah sebanyak 10 – 12 kali bagi setiap kursus pada setiap hari Sabtu atau Ahad (hujung minggu). Kemudahan teknologi maklumat diperluaskan penggunaannya dalam membantu dan memudahkan proses P&amp;P program PJJ UPM ini. Lintas Langsung Interaktif (LIP) iaitu kuliah secara sidang video (<i>video conference</i>) di mana komunikasi dua hala di antara tenaga pengajar (Pensyarah UPM) dengan pelajar yang berada di seluruh Malaysia dilaksanakan. Perjumpaan Bersemuka secara sidang video ini di mana pensyarah di Kampus Induk UPM Serdang (bersama pelajar yang berdekatan) manakala pelajar lain berada di pusat pembelajaran yang terpilih dan dilantik. Rakaman Pengajaran dan Pembelajaran (PERL) juga dibuat di mana video rakaman kuliah tersebut di muat naik melalui portal pelajar iaitu portal <i>Video On Demand</i> (VOD). Video ini boleh diulang tayang semula oleh pelajar dan memanfaatkan sebagai kemudahan, bahan bantu belajar dan rujukan.</p>

## i. PROGRAM BACELOR & DIPLOMA

SISTEM PENGAJIAN	PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	SISTEM PENILAIAN	STATUS PELAJAR	PELAJAR BERGRADUAT
<p>Setiap sesi pengajian Program Bacelor PJJ UPM terbahagi kepada dua (2) semester iaitu Semester Pertama (September-Disember) dan Semester Kedua (Februari-Jun).</p> <p>Pelajar perlu mendaftar kursus sebanyak 9 - 15 jam kredit pada setiap semester mengikut pakej penawaran kursus yang ditetapkan. Secara</p>	<p>Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (P&amp;P) bagi pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Putra Malaysia (PJJ UPM) adalah merujuk kepada jumlah jam Perjumpaan Bersemuka (Kuliah) di antara pelajar dan tenaga pengajar (pensyarah UPM). Jumlah jam perjumpaan telah ditetapkan dan dibenarkan adalah kurang daripada program Sepenuh Masa. PJJ UPM menekankan pembelajaran kendiri bagi mewujudkan pembelajaran yang fleksibel, selesa dan tanpa</p>	<p>Prestasi pelajar dinilai dengan menggunakan kaedah penilaian berterusan. Sesuatu kursus dinilai melalui tugasan, peperiksaan pertengahan dan peperiksaan akhir serta aktiviti akademik yang berkaitan seperti kerja kursus/kajian, pembentangan dan seminar.</p> <p>Semua pelajar wajib menduduki</p>	<p>Status pelajar pada setiap semester adalah berdasarkan kepada prestasi akademiknya di akhir semester berkenaan dan statusnya pada semester sebelumnya. Status BAIK diberikan kepada pelajar yang memperolehi Purata Nilaian Gred Keseluruhan (PNGK) 2.000 ke atas manakala pelajar yang mendapat PNGK kurang dari</p>	<p>Setiap pelajar yang mendaftar bagi program pengajian yang terpilih dan lulus semua kursus mengikut kurikulum yang ditetapkan bagi program tersebut atau kursus yang setara, dan memenuhi semua syarat lain yang ditetapkan serta mencapai Purata Nilaian Gred Keseluruhan (PNGK) tidak kurang daripada 2.000 berhak untuk bergraduat. Walaubagaimana pun,</p>

<p>keseluruhan, pelajar diwajibkan mengambil kursus sebanyak minimum 120 - 140 jam kredit pengajian (mengikut kurikulum yang ditetapkan) bagi membolehkan pelajar bergraduat. Kursus tersebut ialah Kursus Universiti, Kursus Teras dan Kursus Elektif. Tempoh pengajian untuk bergraduat adalah diantara sembilan (9) hingga 13 semester (empat setengah (<math>4\frac{1}{2}</math>) hingga enam setengah (<math>6\frac{1}{2}</math>) tahun).</p>	<p>tekanan terutamanya untuk pelajar yang bekerja ingin melanjutkan pengajian.</p> <p>Keperluan sokongan bahan pembelajaran seperti Modul Pembelajaran (hasil penulisan tenaga pengajar UPM mengikut bidang masing-masing)</p> <p>disediakan untuk rujukan dan bahan bantu belajar. Pelajar disaran dan digalakkan juga untuk mendapatkan bahan rujukan daripada pelbagai sumber bagi membantu proses pembelajaran dan tidak seharusnya bergantung kepada kemudahan dan bahan sokongan yang disediakan oleh pihak Universiti semata-mata. Pelajar seharusnya memberi komitmen, menerapkan disiplin diri dan melakukan pengorbanan yang tinggi dari pelbagai perkara supaya dapat menamatkan</p>	<p>peperiksaan yang diadakan di Pusat Pembelajaran dilantik seperti yang telah dijadualkan.</p>	<p>2.000 akan diberi status amaran, percubaan atau diberhentikan merujuk kepada Akta Universiti.</p>	<p>hak untuk bergraduat boleh digantung atau dilupuskan, dimana berkenaan, oleh sesuatu hukuman akademik mengikut Akta Universiti.</p>
--	---	---	--	--

	<p>pengajian dengan mencapai kejayaan dan keputusan yang cemerlang.</p> <p>Kemudahan teknologi maklumat diperluaskan penggunaannya dalam membantu dan memudahkan proses P&amp;P PJJ UPM ini. Rakaman Pengajaran dan Pembelajaran (PERL) dilaksanakan di mana video rakaman kuliah tersebut di muat naik melalui portal pelajar iaitu portal <i>Video On Demand</i> (VOD). Video ini boleh diulang tayang semula oleh pelajar dan memanfaatkan sebagai kemudahan, bahan bantu belajar dan rujukan.</p> <p>Kelas tutorial disediakan di Pusat Pembelajaran yang terpilih dan dilantik. Kelas tutorial ini adalah mengikut kursus yang ditawarkan</p>			
--	--	--	--	--

	<p>dan pendaftaran pelajar pada semester tersebut. Jumlah jam tutorial dan perjumpaan bersama Tutor sekurang-kurangnya sebanyak 6 sehingga 12 jam.</p> <p>Tutor yang dilantik berkelayakan mengikut bidang dan kursus terlibat dengan persetujuan dan pengesahan penyelaras program.</p> <p>Jadual tutorial disusun oleh penyelia/pengurus pusat pembelajaran mengikut kesesuaian pelajar yang mengikuti pengajian PJJ UPM ini dan berdaftar di bawah pusat pembelajaran tersebut. Jumlah jam kelas Tutorial diadakan sebelum Peperiksaan Pertengahan dan Peperiksaan Akhir semester mengikut kesesuaian rancangan Pengajaran dan Pembelajaran pensyarah bagi kursus tersebut.</p>			
<b>SENARAI PROGRAM</b>	i. Bachelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia)	Perjumpaan Bersemuka bersama pensyarah UPM pada setiap semester adalah sebanyak dua (2) kali per kursus iaitu hari Sabtu dan Ahad (hujung minggu) di		

	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Bacelor Sains Pembangunan Manusia</li> <li>iii. Bacelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu)</li> <li>iv. Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris)</li> <li>v. Bacelor Komunikasi</li> <li>vi. Bacelor Sains Pertanian</li> </ul>	<p>mana melibatkan dua (2) hujung minggu untuk satu (1) kali perjumpaan. Perjumpaan Bersemuka Pertama pada minggu pertama dan kedua semester bermula (minggu pendaftaran) manakala Perjumpaan Bersemuka Kedua adalah selepas peperiksaan pertengahan semester. Perjumpaan bersemuka ini diadakan di Kampus Induk UPM Serdang.</p> <p>Program Bacelor Sains Pertanian (BSP) melibatkan kursus tertentu yang memerlukan kelas amali. Kelas amali ini dilaksanakan di Fakulti Pertanian, UPM Serdang pada hari Sabtu dan Ahad (hujung minggu) di mana tiga (3) kali perjumpaan bagi setiap kursus. Jadual amali dijadualkan diawal semester bermula.</p>
	Diploma Pembangunan Manusia	Secara keseluruhan, pelajar diwajibkan mengambil kursus sebanyak minimum 90 - 100 jam kredit pengajian (mengikut kurikulum yang ditetapkan) bagi membolehkan pelajar bergraduat. Kursus tersebut ialah Kursus Universiti, Kursus Teras dan Kursus Elektif. Tempoh pengajian untuk bergraduat adalah diantara tujuh (7) hingga sembilan (9) semester (tiga setengah (3½) hingga empat setengah (4½) tahun).